

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPATBELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO (BATU
KAWAN)**

SOALAN

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa jumlah kes jenayah seksual rogol, sumbang mahram, pencabulan, liwat, gangguan seksual dan keganasan rumahtangga yang dilaporkan dari tahun 2014 hingga kini mengikut pecahan negeri serta pecahan umur, kaum, jantina dan apakah hubungan di antara pelaku dan mangsa.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik daripada Polis Diraja Malaysia bagi tempoh 2014 hingga Ogos 2019, sebanyak 9,489 kes rogol (tidak termasuk sumbang mahram) telah dilaporkan kepada pihak polis yang melibatkan 9,505 orang mangsa yang kebanyakannya berumur antara 13 tahun hingga 18 tahun. Dari segi pecahan bangsa mangsa pula, seramai 6,755 orang mangsa berbangsa Melayu, 594 orang berbangsa Cina, 396 orang mangsa berbangsa India, 1,375 orang mangsa daripada Bumiputera Sabah dan Sarawak, 346 orang mangsa warga asing dan baki 39 orang mangsa lagi adalah Orang Asli. Manakala suspek pula, kebanyakan adalah terdiri daripada kenalan atau teman lelaki mangsa yang berumur 16 tahun dan ke atas.

Bagi soalan kes jenayah sumbang mahram pula, statistik bagi tempoh yang sama menunjukkan sebanyak 1,566 kes telah dilaporkan kepada pihak polis yang melibatkan mangsa seramai 1,582 orang. Daripada jumlah mangsa tersebut, 1,086 orang mangsa adalah berbangsa Melayu, 51 orang mangsa berbangsa Cina, 92 orang mangsa berbangsa India dan baki 353 orang mangsa adalah terdiri daripada lain-lain bangsa. Suspek yang terlibat dengan kes sumbang mahram ini juga majoritinya

SOALAN NO : 473

mempunyai hubungan dengan mangsa sebagai bapa, bapa tiri, bapa saudara atau abang.

Bagi kes mencabul kehormatan bagi tempoh yang sama, sebanyak 7,571 kes telah dilaporkan kepada pihak polis untuk disiasat di bawah seksyen 354 Kanun Keseksaan yang melibatkan 7,379 orang mangsa. Daripada jumlah mangsa tersebut, seramai 144 orang lelaki manakala 7,235 orang lagi adalah perempuan dan semuanya berumur 18 tahun ke atas. Rekod polis juga menunjukkan bahawa mangsa kebanyakannya adalah terdiri daripada suri rumah/tidak bekerja, pekerja swasta atau pembantu kedai. Dari segi pecahan bangsa mangsa pula, seramai 4,865 orang mangsa berbangsa Melayu, 1,005 orang mangsa berbangsa Cina, 460 orang mangsa berbangsa India, 84 orang mangsa adalah bumiputera Sabah, 32 orang mangsa bumiputera Sarawak, 2 orang mangsa adalah Orang Asli dan baki 931 orang mangsa adalah terdiri daripada lain-lain bangsa.

Bagi kes perlakuan luar tabii untuk tempoh yang sama pula, sebanyak 1,680 kes telah dilaporkan yang melibatkan 1,706 orang mangsa. Rekod juga menunjukkan bahawa 914 orang mangsa adalah perempuan, 790 lelaki manakala 2 mangsa lagi adalah binatang atau haiwan dan melibatkan seramai 2,059 orang suspek. Majoriti suspek adalah berumur 18 tahun ke atas dan 97% suspek adalah lelaki. Bagi kes gangguan seksual bagi tempoh yang sama pula, sebanyak 1,595 kes telah dilaporkan kepada pihak polis untuk disiasat di bawah seksyen 509 Kanun Keseksaan yang melibatkan seramai 284 orang mangsa lelaki dan 1,311 orang mangsa perempuan. Rekod PDRM juga menunjukkan seramai 73 orang suspek adalah berumur 18 tahun ke bawah manakala 1,576 orang suspek lagi berumur 18 tahun ke atas.

Bagi kes keganasan rumah tangga bagi tempoh yang sama pula, sebanyak 30,381 kes telah dilaporkan di mana 8,053 orang mangsa adalah lelaki manakala 22,328 orang mangsa pula adalah perempuan. Dari segi pecahan bangsa pula, 18,346 orang mangsa adalah berbangsa Melayu, 2,635 orang berbangsa Cina, 5,713 orang berbangsa India dan baki 3,687 orang mangsa terdiri daripada lain-lain bangsa dan majoriti suspek pula adalah tidak bekerja, pekerja swasta atau bekerja sendiri.